

22/06/1998

Pil Viagra gamatkan dewan

ISU mengenai pil perangsang seks, Viagra, yang ditimbulkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menggulung perbahasan perhimpunan agung Umno, menggamatkan dewan.

Menurut Perdana Menteri, masyarakat Barat sekarang seolah-olah sepanjang masa hanya memikirkan soal berkaitan seks.

"Berfikir tak ada lain ... bagaimana nak mencipta Viagra. Itu saja. Percayalah, tidak lama lagi kita akan dengar jenayah yang membabitkan orang berumur 75 tahun ke atas," katanya sambil disambut dengan gelak ketawa perwakilan.

Keadaan tambah gamat apabila Pengerusi Tetap perhimpunan, Tan Sri Suleiman Ninan Shah menyampuk: "Termasuk saya ke?"

"Saya kata 75 sebab saya 73," jawab Dr Mahathir.

Presiden Umno itu menyifatkan penciptaan pil Viagra, hanya satu lagi produk Barat yang dieksport untuk merosakkan rakyat negara lain di seluruh dunia.

Katanya, Barat yang kononnya menentang gangguan seksual terhadap wanita dan menuduh Islam mendiskriminasikan wanita, sebaliknya menggunakan golongan itu sebagai objek dalam iklan lucah, kasar dan tidak bersopan untuk menarik minat pelanggan.

Dengan cara memperagakan wanita separuh bogel, Barat menganggap cara itu adalah sebagai satu cara mereka menghormati wanita dan sebagai objek seks semata-mata.

"Inilah kerja mereka. Sepanjang masa pemikiran mereka tidak ada benda lain, benda yang lucah dan ada kaitan dengan seks. Kalau kita baca novel mereka, mencarut sepanjang masa. Kalau tidak ada perkataan yang mula dengan F, tak boleh pakai.

"Apakah kita boleh percaya pada mereka kerana mereka adalah orang yang tiada moral dan langsung tidak bertimbang rasa.

"Barang kali orang lama (penjajah British) mungkin ada juga sopan santun, tetapi yang nak datang ni ... Allah, takut saya," katanya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri mengingatkan rakyat berhati-hati supaya tidak terjebak dalam perangkap Barat termasuk dengan ciptaan yang kononnya itulah tamadun baru.

Beliau berkata, rakyat tidak harus meniru istilah dan idea baru Barat kerana semua adalah perangkap mereka.

"Kalau kita jaga parti kita, Insya-Allah negara kita akan selamat. Walaupun diserang bertalu-talu terhadap ringgit kita, asalkan kita bersatu dalam Umno, kita boleh pertahankan diri kita," katanya.

(END)